



15 Oktober 2019
15 October 2019
P.U. (A) 282

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

*STRATA TITLES (FEDERAL TERRITORY
OF KUALA LUMPUR) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 81 Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dibaca bersama subseksyen 5(5), Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2019**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “formula unit syer” ertinya formula yang digunakan untuk mengira unit syer sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Permohonan bagi Sijil Formula Unit Syer

3. (1) Mana-mana pemilik asal hendaklah, sebelum membuat suatu permohonan bagi pecah bahagi bangunan atau tanah di bawah seksyen 9 Akta, membuat permohonan bagi Sijil Formula Unit Syer kepada Pengarah dalam Borang A Jadual 1.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah—

(a) berhubung dengan pengiraan unit syer yang dicadangkan, menggunakan formula unit syer sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2;

(b) mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah;
dan

(c) disertakan dengan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 3.

(3) Jika pemilik asal tidak dapat mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki untuk dikemukakan dalam Borang A Jadual 1, Pengarah boleh, selepas berpuas hati bahawa pemilik asal telah memberikan alasan yang mencukupi, mengecualikan pengemukakan dokumen atau maklumat itu.

(4) Apabila berpuas hati bahawa kehendak di bawah kaedah ini telah dipatuhi, Pengarah boleh meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan Sijil Formula Unit Syer sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4 kepada pemilik asal.

(5) Walau apa pun perenggan (2)(a), jika Pengarah mendapati bahawa formula unit syer yang digunakan akan menyebabkan unit syer yang dicadangkan atau kuantum unit syer sementara yang diuntukkan kepada petak atau blok sementara, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak saksama, Pengarah boleh menentukan formula unit syer lain yang saksama bagi permohonan itu.

Perubahan dalam Sijil Formula Unit Syer

4. (1) Jika terdapat apa-apa perubahan pada pelan bangunan yang telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, atau pada unit syer, atau kedua-duanya, selepas Sijil Formula Unit Syer dikeluarkan, pemilik asal hendaklah membuat permohonan bagi suatu Sijil Formula Unit Syer yang baharu di bawah kaedah 3 kepada Pengarah dan kehendak di bawah subkaedah 3(1) dan (2) hendaklah terpakai.

(2) Jika pemilik asal berhasrat untuk mengubah apa-apa maklumat dalam Sijil Formula Unit Syer selain maklumat yang berhubungan dengan pelan bangunan dan unit syer yang disebut dalam subkaedah (1), pemilik asal hendaklah membuat permohonan untuk mengubah maklumat itu kepada Pengarah mengikut cara

sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah bersama dengan bayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(3) Bagi maksud subkaedah (2), perubahan maklumat hanya akan dibuat kepada Sijil Formula Unit Syer yang asal tanpa pengeluaran Sijil Formula Unit Syer yang baharu.

Deposit bagi permohonan bagi pecah bahagi bangunan yang melibatkan blok sementara

5. (1) Mana-mana pemilik asal yang membuat permohonan bagi pecah bahagi bangunan yang melibatkan blok sementara di bawah seksyen 9A Akta hendaklah membayar deposit yang disebut dalam dalam subperenggan 10(2)(c)(ii) Akta sebagaimana yang dinyatakan dalam butiran 6 Jadual 3.

(2) Bagi maksud subkaedah (1), Pengarah hendaklah mengeluarkan notis untuk meminta bayaran deposit kepada pemilik asal dalam Borang B Jadual 1.

(3) Bayaran deposit di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan pernyataan bertulis yang disebut dalam dalam subperenggan 10(2)(c)(iii) sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang C Jadual 1.

Permohonan untuk mengklasifikasikan mana-mana bangunan sebagai bangunan kos rendah

6. (1) Suatu permohonan oleh pemilik mana-mana tanah beri hak milik untuk mengklasifikasikan mana-mana bangunan sebagai bangunan kos rendah di bawah seksyen 9B Akta hendaklah dibuat kepada Menteri yang berkenaan dalam Borang D Jadual 1.

(2) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(3) Apabila berpuas hati bahawa kehendak di bawah kaedah ini telah dipatuhi, Menteri yang berkenaan boleh meluluskan permohonan itu dan hendaklah

mengeluarkan Perakuan Bangunan Kos Rendah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5 kepada pemilik tanah beri hakmilik itu.

Permohonan untuk mengklasifikasikan bangunan sebagai bangunan khas

7. (1) Mana-mana pemilik asal boleh membuat permohonan untuk mengklasifikasikan mana-mana bangunan yang diduduki dari Jun 1996 hingga 11 April 2007 sebagai bangunan khas kepada Menteri yang berkenaan dalam Borang E Jadual 1.

(2) Menteri yang berkenaan boleh mengklasifikasikan bangunan yang disebut dalam subkaedah (1) sebagai bangunan khas dengan syarat bahawa—

- (a) bangunan itu telah digunakan bagi maksud kediaman, perdagangan atau industri;
- (b) bangunan itu telah digunakan bagi maksud perdagangan dan kediaman; atau
- (c) bangunan itu telah digunakan bagi apa-apa maksud lain yang difikirkan layak oleh Menteri yang berkenaan untuk diklasifikasikan sebagai bangunan khas.

(3) Permohonan di bawah subkaedah (1) hendaklah disertakan dengan fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(4) Apabila berpuas hati bahawa kehendak di bawah kaedah ini telah dipatuhi, Menteri yang berkenaan boleh meluluskan permohonan itu dan hendaklah mengeluarkan Perakuan Bangunan Khas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 6 kepada pemilik asal itu.

Cukai bagi petak atau blok sementara yang kena dibayar

8. (1) Cukai bagi petak atau blok sementara yang kena dibayar di bawah subseksyen 23C(3), (4) dan (5) Akta hendaklah dibayar secara tahunan.

(2) Amaun cukai tahunan bagi petak atau blok sementara yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah ditentukan oleh Pentadbir Tanah dengan menggunakan formula cukai bagi petak atau blok sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 7.

(3) Jika terdapat apa-apa perubahan kelas atau jenis kegunaan petak atau blok sementara, Pentadbir Tanah hendaklah menentukan semula amaun cukai tahunan bagi petak atau blok sementara itu dengan menggunakan formula cukai bagi petak atau blok sementara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 7.

(4) Walau apa pun subseksyen 23C(3), (4) dan (5) Akta, Menteri yang berkenaan boleh—

(a) memberi penangguhan pembayaran cukai tahunan bagi petak atau blok sementara; atau

(b) meremitkan sebahagian atau keseluruhan bayaran cukai tahunan bagi petak atau blok sementara.

(5) Jika mana-mana cukai tahunan bagi petak atau blok sementara yang kena dibayar di bawah subseksyen 23C(3), (4) dan (5) Akta menjadi tunggakan di bawah subseksyen 23C(6) Akta, fi lewat bayar sebanyak sepuluh peratus daripada cukai tahunan bagi setiap tahun boleh dikenakan dengan menggunakan pengiraan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.

Pungutan tunggakan cukai

9. (1) Mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau mana-mana ejen pengurusan yang dilantik oleh Pesuruhjaya Bangunan, yang sebaik

sebelum Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa, menyenggara dan menguruskan mana-mana bangunan hendaklah, dalam masa dua belas bulan dari tarikh Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa—

- (a) mengenal pasti dan merekodkan butir-butir petak yang mempunyai tunggakan cukai tanah dalam Borang F Jadual 1;
- (b) mengadakan suatu mesyuarat agung tahunan atau yang setara untuk memberitahu pemilik petak amaun tunggakan cukai tanah dan untuk mengesahkan amaun itu; dan
- (c) mengemukakan Borang F bersama dengan minit mesyuarat agung tahunan atau yang setara dan senarai pemilik petak yang mempunyai tunggakan cukai tanah kepada Pengarah dalam masa tiga puluh hari selepas mesyuarat agung tahunan atau yang setara.

(2) Jika pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau ejen pengurusan yang disebut dalam subkaedah (1) gagal untuk mengemukakan Borang F kepada Pengarah, tunggakan cukai tanah itu hendaklah dibahagikan antara pemilik petak yang mempunyai tunggakan cukai berdasarkan syer unit masing-masing.

(3) Walau apa pun subkaedah (1), Pengarah boleh melanjutkan tempoh dua belas bulan yang disebut dalam subkaedah (1).

Penggantian sijil

10. Jika perakuan yang memperakui penubuhan perbadanan pengurusan atau perakuan perbadanan pengurusan subsidiari yang dikeluarkan di bawah Akta atau Sijil Formula Unit Syer yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini, oleh Pengarah, hilang, rosak atau termusnah, Pengarah boleh, apabila permohonan bagi penggantian diterima, dan atas bayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3, mengeluarkan penggantian perakuan yang memperakui penubuhan perbadanan

pengurusan, perakuan perbadanan pengurusan subsidiari atau Sijil Formula Unit Syer itu kepada pemohon.

Fi

11. (1) Fi yang kena dibayar bagi pelbagai permohonan dan tindakan di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), tiada fi yang kena dibayar berkenaan dengan—

(a) permohonan untuk memecah bahagi bangunan kos rendah oleh Kerajaan Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; atau

(b) permohonan untuk mengklasifikasikan mana-mana bangunan sebagai bangunan kos rendah oleh Kerajaan Persekutuan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(3) Menteri yang berkenaan boleh mengenyapkan, secara keseluruhan atau sebahagian, fi yang dinyatakan dalam Jadual 3 tertakluk kepada apa-apa kriteria dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri itu.

Kecualian

12. Mana-mana permohonan atau dokumen lain di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan yang sedang menunggu kelulusan, atau yang telah diluluskan tetapi hakmilik strata belum dikeluarkan sebelum Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa hendaklah terus sah dan hendaklah diuruskan di bawah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan seolah-olah Kaedah-Kaedah yang dibatalkan itu tidak dibatalkan.

Pembatalan

13. Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2015 [*P.U. (A) 127/2015*] dibatalkan.

JADUAL 1

BORANG A
[Subkaedah 3(1) dan (3)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PERMOHONAN BAGI SIJIL FORMULA UNIT SYER

Kepada:

Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Saya _____

beralamat di _____

Butir-butir tanah:

- i. No. Hakmilik _____
- ii. No. Lot/PT _____
- iii. Bandar/Pekan/Mukim _____
- iv. Keluasan _____

Butir-butir projek/skim:

- i. Nama pemaju _____
- ii. Nama skim _____
- iii. Jenis petak
 - (i) Kediaman: _____/petak
 - (ii) Kedai: _____/petak
 - (iii) Pejabat: _____/petak
 - (iv) Lain-lain: _____/petak

iv. Bilangan petak _____

v. Bilangan agregat unit syer _____

- vi. Nama jurukur tanah berlesen _____
(No. Lesen)
- vii. Nama arkitek/jurutera _____
(No. Lesen)

Dokumen/Maklumat yang wajib untuk dikemukakan:

- i. Salinan perintah pembangunan/kebenaran merancang yang diluluskan
- ii. Salinan pelan bangunan yang diluluskan (No. Rujukan_____)
- iii. Surat pelantikan jurukur tanah berlesen
- iv. Perakuan deposit fi ukur yang dikeluarkan oleh Lembaga Jurukur Tanah
- v. Carian rasmi hakmilik tanah (jika berkenaan)
- vi. Formula Unit Syer
- vii. Dokumen pengiraan unit syer (salinan lembut dalam bentuk *excel spreadsheet*)
- viii. Jadual petak yang diperakui oleh juruukur tanah berlesen dan arkitek/jurutera (jika berkenaan)
- ix. Resit bayaran premium (jika berkenaan)
- x. Resit bayaran cukai tahun semasa (jika berkenaan)
- xi. Borang permohonan pengklasifikasian bangunan sebagai bangunan kos rendah (jika berkenaan)
- xii. Borang permohonan pengklasifikasian bangunan sebagai bangunan khas (jika berkenaan)
- xiii. Gambar tapak (4 penjuru)
- xiv. Sijil Formula Unit Syer yang asal (jika berkenaan)
- xv. Apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pengarah Tanah dan Galian

Penentusahan oleh juruukur tanah berlesen

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan/Cop mohor syarikat:

Tarikh:

Penentusahan oleh pemilik asal

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan/Cop mohor syarikat:

Tarikh:

Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

A. Kepada Pengarah Tanah dan Galian

Permohonan ini teratur/tidak teratur

.....
*Ketua Penolong Pengarah/
Penolong Pengarah*

B. Keputusan

Permohonan ini diperakukan/tidak diperakukan

Bertarikh hari bulan..... 20.....

.....
Pengarah Tanah dan Galian

BORANG B
[Subkaedah 5(2)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

NOTIS MEMINTA BAYARAN DEPOSIT DI BAWAH
SUBPERENGGAN 10(2)(c)(ii) AKTA HAKMILIK STRATA 1985

(No. Rujukan.....)

Pejabat Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tarikh

Kepada:

.....

beralamat di

.....

PERMOHONAN BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN YANG MELIBATKAN BLOK SEMENTARA

No. Hakmilik

*Bandar/Pekan/Mukim.....

No. Lot

Menurut subperenggan 10(2)(c)(ii) Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*], anda dikehendaki untuk membayar deposit berkenaan dengan setiap blok sementara dan mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang bermaksud bahawa anda bersetuju deposit itu dilucuthakkan kepada Kerajaan sekiranya blok sementara itu tidak siap atau, jika telah siap, perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki tidak dikeluarkan sebelum tarikh yang dinyatakan dalam aku janji atau tidak lewat daripada apa-apa tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian.

2. Pengarah Tanah dan Galian telah menentukan amaun deposit seperti yang berikut:

	<i>Blok sementara</i>	<i>Deposit (RM)</i>
<i>(a)</i>	P1
<i>(b)</i>	P2
<i>(c)</i>	P3
<i>(d)</i>	dsb.
	<i>Jumlah</i>

3. Pembayaran amaun deposit di atas hendaklah dibuat di pejabat ini dan hendaklah disertakan dengan pernyataan bertulis dalam Borang C.

4. Ambil perhatian bahawa jika kehendak di atas tidak dipatuhi pada atau sebelum permohonan anda akan ditolak.

.....
Pengarah Tanah dan Galian

BORANG C
[Subkaedah 5(3)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PERNYATAAN BERTULIS DI BAWAH SUBPERENGGAN 10(2)(c)(iii)
AKTA HAKMILIK STRATA 1985

.....
(Nama pemilik asal)

.....

.....
(Alamat pemilik asal)

Tarikh:

Kepada:
Pengarah Tanah dan Galian
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

PERMOHONAN BAGI PECAH BAHAGI BANGUNAN YANG MELIBATKAN BLOK SEMENTARA

No. Hakmilik

*Bandar/Pekan/Mukim.....

No. Lot

Merujuk kepada notis anda no. rujukan. bertarikh mengenai perkara di atas, *saya/kami yang bertandatangan di bawah ini, No. K/P. / *suatu syarikat yang diperbadankan di, nombor pendaftaran *syarikat/perniagaan (jika berkenaan)..... bersama-sama ini mengemukakan bayaran deposit sebanyak RM..... berkenaan dengan blok/blok-blok

sementara.....

(masukkan nombor bagi setiap blok sementara)

atas tanah No. Hakmilik

No. Lot

2. *Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa deposit di atas dilucuthakkan kepada Kerajaan sekiranya blok/blok-blok sementara itu tidak siap atau, jika telah siap, perakuan siap dan pematuhan atau sijil layak menduduki tidak dikeluarkan sebelum tarikh yang dinyatakan di bawah:

<i>Blok sementara</i>	<i>Tarikh</i>
P1
P2
P3
dsb.

atau tidak lewat daripada apa-apa tarikh yang terkemudian sebagaimana yang dibenarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian.

Yang benar,

.....
 # *Tandatangan pemohon*

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Sekiranya pemohon ialah suatu syarikat, pernyataan bertulis ini hendaklah ditandatangani oleh dua orang daripada Lembaga Pengarah yang diberi kuasa dengan sewajarnya dan dimeteraikan dengan meterai syarikat.

BORANG D
[Subkaedah 6(1)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PERMOHONAN BAGI PENGKLASIFIKASIAN BANGUNAN SEBAGAI
BANGUNAN KOS RENDAH

Kepada:

Menteri

Melalui:

Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Saya/Kami
pemilik/pemilik-pemilik tanah beri milik yang diperihalkan dalam Jadual, beralamat di
.....
.....
dengan ini memohon supaya bangunan yang dibina di atas tanah yang diperihalkan
dalam Jadual, diklasifikasikan sebagai bangunan kos rendah dan suatu perakuan
dikeluarkan kepada *saya/kami.

2. *Saya/Kami dengan ini mengemukakan:

(a) fi sebanyak RM

(b) butir-butir lanjut bangunan yang dibina di atas tanah itu ialah sebagaimana
dalam Lampiran 1

(c) sesalinan pelan bangunan yang diluluskan

.....
Tandatangan pemohon

JADUAL

<i>*Bandar/Pekan/Mukim</i>	<i>Jenis dan No. Hakmilik</i>	<i>No. Lot</i>

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR LANJUT BANGUNAN YANG HENDAK DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI
BANGUNAN KOS RENDAH

1. Lokasi bangunan :
2. Bilangan bangunan :
3. Jenis pembinaan :
4. Kos bangunan :
5. Bilangan tingkat :
6. Bilangan petak :
7. Bilangan bilik dalam setiap petak :
8. Harga jualan petak :
9. Syarat lain bagi penjualan petak :
10. Tarikh bangunan disiapkan :
11. Maklumat lain yang berkaitan :
(cth. kemudahan yang disediakan, dsb.)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG E
[Subkaedah 7(1)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019
PERMOHONAN BAGI PENGKLASIFIKASIAN BANGUNAN SEBAGAI BANGUNAN KHAS

Kepada:

Menteri

Melalui:

Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

*Saya/Kami
pemilik/pemilik-pemilik tanah beri milik yang diperihalkan dalam Jadual, beralamat di
.....
dengan ini memohon supaya bangunan yang dibina di atas tanah yang diperihalkan
dalam Jadual, diklasifikasikan sebagai bangunan khas dan suatu perakuan dikeluarkan
kepada *saya/kami.

2. *Saya/Kami dengan ini mengemukakan:

(a) fi sebanyak RM

(b) butir-butir lanjut mengenai bangunan yang dibina di atas tanah itu ialah
sebagaimana dalam Lampiran 1

(c) sesalinan perakuan siap dan pematuhan/sijil layak menduduki (jika ada)
atau suatu akuan berkanun dan apa-apa dokumen lain yang boleh
menyokong permohonan pengklasifikasian bangunan khas

.....
Tandatangan pemohon

JADUAL

<i>*Bandar/Pekan/Mukim</i>	<i>Jenis dan No. Hakmilik</i>	<i>No. Lot</i>

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAI BANGUNAN YANG HENDAK DIKLASIFIKASIKAN
SEBAGAI BANGUNAN KHAS

1. Lokasi bangunan :
2. Bilangan bangunan :
3. Jenis pembinaan :
4. Kos bangunan :
5. Bilangan tingkat :
6. Bilangan petak :
7. Bilangan bilik dalam setiap petak :
8. Harga jualan petak :
9. Syarat lain bagi penjualan petak :
10. Tarikh bangunan disiapkan :
11. Maklumat lain yang berkaitan :
(cth. kemudahan yang disediakan, dsb.)

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

BORANG F
[Kaedah 9]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

SENARAI TUNGGAKAN CUKAI

Nama perbadanan pengurusan

.....

Alamat (untuk menyampaikan notis)

.....

.....

Jenis dan No. Hakmilik

*Bandar/Pekan/Mukim.....

No. Lot

Bilangan petak

Agregat unit syer.....

Butir-butir pemilik petak ialah sebagaimana dalam Lampiran 1

Tarikh semakan:

Disemak oleh:

<i>Bil.</i>	<i>No. unit</i>	<i>No. hakmilik strata</i>	<i>Unit syer</i>	<i>Petak aksesori</i>	<i>Nama pemilik petak</i>	<i>No. K/P/ Passport/ SSM</i>	<i>Alamat</i>	<i>Amaun tunggakan</i>	<i>Catatan</i>

JADUAL 2
[Perenggan 3(2)(a)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

FORMULA UNIT SYER

Unit syer bagi petak adalah keluasan petak itu didarabkan dengan faktor pemberat bagi jenis petak dan faktor pemberat bagi keseluruhan petak lantai. Jika terdapat mana-mana petak aksesori, keluasan petak aksesori itu didarabkan dengan faktor pemberat bagi petak aksesori itu.

Jika terdapat lebih daripada satu petak aksesori, formula bagi pengiraan hendaklah terpakai bagi setiap petak aksesori dan kemudiannya hendaklah ditambahkan sewajarnya. Kedua-dua nilai bagi petak dan petak aksesori hendaklah ditambahkan bagi menentukan jumlah unit syer.

Formula pengiraan adalah seperti yang berikut:

$$\text{Unit syer bagi petak} = (A \times F_1 \times F_2) + (B \times F_3)$$

$$\text{Unit syer bagi petak tanah} = (A \times 0.8) + (B \times F_3)$$

iaitu,

- (a) A ialah keluasan petak
- (b) B ialah keluasan petak aksesori
- (c) F_1 ialah pemberat bagi jenis petak seperti yang dinyatakan dalam Jadual A
- (d) F_2 ialah pemberat bagi keseluruhan petak lantai seperti yang dinyatakan dalam Jadual B
- (e) F_3 ialah pemberat bagi petak aksesori seperti yang dinyatakan dalam Jadual C

Jadual A- Jenis petak

Bil.	Jenis petak	Tanpa penyaman udara berpusat kepada harta bersama		Memunyai penyaman udara berpusat kepada harta bersama	
		Lif/ eskalator awam disediakan	Tiada lif/ eskalator awam disediakan	Lif/ eskalator awam disediakan	Tiada lif/ eskalator awam disediakan
1.	Pangsapuri/ Pejabat Kecil Pejabat Rumah (SOHO)	1.00	0.85	1.30	1.15
2.	Kompleks pejabat/ Institusi (Kolej)	1.00	0.85	1.30	1.15
3.	Kompleks runcit	2.00	1.70	3.20	2.90
4.	Kompleks hotel/ Kompleks pusat perubatan	2.20	1.90	2.80	2.45
5.	Kompleks industri	1.00	0.85	1.45	1.30
6.	Tempat letak kenderaan (keseluruhan petak lantai)	0.75	0.65	0.85	0.75
7.	Rumah kedai, kedai-pangsapuri, kedai-pejabat (dua tingkat dan lebih)				
	(a) aras atas	1.00	0.85	1.30	1.15
	(b) aras bawah	0.85	0.85	1.15	1.15
8.	Petak tanah	0.80	0.80	0.80	0.80

Jadual B - Keseluruhan petak lantai

<i>Bil.</i>	<i>Petak</i>	<i>F₂</i>	<i>Asas</i>
1.	Keseluruhan petak lantai tidak termasuk kawasan teras pengangkutan menegak (lif atau eskalator) atau ruang lantai yang berkeluasan 1,000 hingga 3,000 meter persegi	0.85	Bagi keseluruhan lantai tidak termasuk teras pengangkutan menegak
2.	Keseluruhan petak lantai termasuk kawasan teras pengangkutan menegak (lif atau eskalator) atau ruang lantai yang berkeluasan 3,000 meter persegi dan ke atas	0.80	Bagi keseluruhan lantai termasuk teras pengangkutan menegak
3.	Bukan keseluruhan petak lantai yang berkeluasan kurang daripada 1,000 meter persegi	1	Tidak berkaitan

Jadual C - Petak aksesori

<i>Bil.</i>	<i>Petak aksesori</i>	<i>F₃</i>	<i>Asas</i>
1.	Di luar bangunan	0.25	Untuk menggambarkan kawasan terbuka atau tertutup yang tidak didiami di luar bangunan
2.	Di dalam bangunan	0.50	Untuk menggambarkan kawasan terbuka atau tertutup yang tidak didiami di dalam bangunan

Nota:

- i. Keluasan dinyatakan dalam meter persegi.
- ii. Jadual A dibezakan dengan penyediaan lif atau eskalator untuk kegunaan bersama dengan penyaman udara berpusat yang penyaman udara berpusat itu yang merupakan harta bersama.
- iii. Jadual B tidak terpakai bagi rumah kedai, kedai-pangsapuri, kedai-pejabat dan dupleks (setiap petak terdiri daripada dua tingkat).
- iv. Unit syer hendaklah dinyatakan sebagai suatu nombor bulat dan apa-apa pecahan atau perpuluhan hendaklah dibundarkan kepada nombor bulat yang terdekat (sebagai contoh: 109.4 = 109, 146.8 = 147, 82.5 = 83).

JADUAL 3
[Subkaedah 3(2), 4(2), 5(1), 6(2), 7(3), kaedah 10 dan 11]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

FI

<i>Bil.</i>	<i>Butir-butir</i>	<i>Peruntukan dalam Akta/ Kaedah-Kaedah</i>	<i>Borang dalam Akta/ undang-undang bertulis lain</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Permohonan bagi pecah bahagi bangunan, tanah dan bangunan, atau tanah (a) bangunan kos rendah (b) selain bangunan kos rendah	seksyen 9 Akta	Borang 1 Akta	10.00 bagi setiap petak, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 300.00 50.00 bagi setiap petak/blok sementara, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 500.00
2.	Permohonan bagi pengklasifikasian bangunan sebagai bangunan kos rendah	Seksyen 9B/kaedah 6 Kaedah-Kaedah ini	Borang D Jadual 1 Kaedah-Kaedah ini	300.00 bagi setiap permohonan
3.	Permohonan bagi pengklasifikasian bangunan sebagai bangunan khas	kaedah 7 Kaedah-Kaedah ini	Borang E Jadual 1 Kaedah-Kaedah ini	300.00 bagi setiap permohonan
4.	Permohonan bagi Sijil Formula Unit Syer	kaedah 3 Kaedah-Kaedah ini	Borang A Jadual 1 Kaedah-Kaedah ini	1,000.00 bagi setiap permohonan
5.	Permohonan bagi perubahan dalam Sijil Formula Unit Syer	kaedah 4 Kaedah-Kaedah ini	-	1,000.00 bagi setiap permohonan

<i>Bil.</i>	<i>Butir-butir</i>	<i>Peruntukan dalam Akta/ Kaedah-Kaedah</i>	<i>Borang dalam Akta/ undang-undang bertulis lain</i>	<i>Fi (RM)</i>
6.	Deposit permohonan bagi pecah bahagi bangunan yang melibatkan blok sementara	kaedah 5 Kaedah-Kaedah ini	Borang B Jadual 1 Kaedah-Kaedah ini	500.00 bagi setiap petak/1,000.00 bagi setiap petak tanah, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 50,000.00
7.	Penyediaan dan pendaftaran hakmilik strata	seksyen 16 Akta	Borang 4 dan 4A Akta	70.00 bagi setiap hakmilik strata
8.	Permohonan bagi perakuan yang memperakui penubuhan perbadanan Pengurusan	subseksyen 17(5) Akta	Borang 9 Akta	100.00 bagi setiap permohonan
9.	Permohonan bagi perakuan perbadanan pengurusan subsidiari	seksyen 17A Akta	Borang 9 Akta	100.00 bagi setiap permohonan
10.	Permohonan bagi pengeluaran hakmilik strata berhubung dengan hakmilik strata sementara (a) bangunan kos rendah (b) selain bangunan kos rendah	seksyen 20B Akta	Borang 5 Akta	10.00 bagi setiap petak/ blok sementara, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 300.00 50.00 bagi setiap petak/blok sementara, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 500.00
11.	Permohonan bagi pecah bahagi petak	seksyen 28 Akta	Borang 6 Akta	500.00 bagi setiap permohonan
12.	Permohonan bagi penyatuan petak-petak	seksyen 28 Akta	Borang 7 Akta	500.00 bagi setiap permohonan
13.	Pemberitahuan cadangan penamatan pecah bahagi bangunan yang dipecah bahagi	seksyen 57 Akta	Borang 8 Akta	300.00 bagi setiap pemberitahuan

<i>Bil.</i>	<i>Butir-butir</i>	<i>Peruntukan dalam Akta/ Kaedah-Kaedah</i>	<i>Borang dalam Akta/ undang-undang bertulis lain</i>	<i>Fi (RM)</i>
14.	Permohonan bagi penggantian kehilangan, kerosakan atau pemusnahan: <i>(a)</i> perakuan yang memperakui penubuhan perbadanan pengurusan <i>(b)</i> perakuan perbadanan pengurusan subsidiari <i>(c)</i> Sijil Formula Unit Syer	kaedah 10 Kaedah-Kaedah ini	-	500.00 bagi setiap permohonan
15.	Penyediaan dan pendaftaran hakmilik strata bagi pecah bahagi petak dan penyatuan petak-petak	perenggan 31(3)(b) Akta	-	50.00 bagi setiap hakmilik strata
16.	Salinan dan cetakan pelan hakmilik strata	perenggan 81(1)(a) Akta	-	30.00 bagi setiap pelan hakmilik strata
17.	Pertukaran nama dan alamat perbadanan pengurusan bagi setiap hakmilik strata	perenggan 81(1)(a) Akta	-	10.00 bagi setiap hakmilik strata, tertakluk kepada bayaran minimum sebanyak 500.00

JADUAL 4
[Subkaedah 3(4)]



AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

SIJIL FORMULA UNIT SYER (SiFUS)

Diperakui bahawa permohonan yang dinyatakan di bawah ini berserta dengan butir-butir pemohon telah memenuhi kehendak perenggan 10(1)(h) Akta dan Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2019.

Nama Pemilik Asal : _____
 Pemaju : _____
 Nama Skim : _____
 No. Hakmilik dan No. Lot : _____
 *Bandar/Pekan/Mukim : _____
 Formula Unit Syer : _____
 No. Rujukan Pelan Bangunan: _____

(Cop mohor)

.....
Pengarah Tanah dan Galian

Tarikh Kelulusan : _____
 No. Siri : _____
 No.Ruj Fail : _____

**Sijil ini merupakan keluaran ke-___ untuk menggantikan kelulusan sebelumnya bagi Pelan Bangunan No. Rujukan: _____*

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

Contoh pengiraan bagi unit syer:

<i>Bil.</i>	<i>Jenis pembangunan</i>	<i>Bilangan petak</i>	<i>Pengiraan unit syer</i>
1.	Kediaman (Pangsapuri kos sederhana)	100	$(\text{luas petak}) \times (0.85) \times (1) + (\text{luas petak aksesori}) \times (0.25)$
2.	Perdagangan (Lot kedai)	100	$(\text{luas petak}) \times (0.85) \times (1) + (\text{luas petak aksesori}) \times (0.25)$

JADUAL 5
[Subkaedah 6(3)]



AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PERAKUAN BANGUNAN KOS RENDAH

Dengan ini diperakui bahawa bangunan yang dibina di atas tanah yang diperihalkan dalam Jadual diklasifikasikan sebagai bangunan kos rendah.

.....
Menteri

JADUAL

<i>*Bandar/Pekan/Mukim</i>	<i>Jenis dan No. Hakmilik</i>	<i>No. Lot</i>

No. Rujukan:

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL 6
[Subkaedah 7(4)]



AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

PERAKUAN BANGUNAN KHAS

Dengan ini diperakui bahawa bangunan yang dibina di atas tanah yang diperihalkan dalam Jadual diklasifikasikan sebagai bangunan khas.

.....
Menteri

JADUAL

<i>*Bandar/Pekan/Mukim</i>	<i>Jenis dan No. Hakmilik</i>	<i>No. Lot</i>

No. Rujukan:

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

JADUAL 7
[Kaedah 8(2) dan (3)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

FORMULA CUKAI BAGI PETAK ATAU BLOK SEMENTARA

1. Formula cukai bagi petak, kecuali bagi bangunan yang diklasifikasikan sebagai kos rendah adalah seperti yang berikut:

Cukai petak = (luas petak + luas petak aksesori) x kadar cukai petak
(Contoh: (120 meter persegi + 12 meter persegi) x RM0.35)

2. Formula cukai bagi blok sementara adalah seperti yang berikut:

Cukai petak blok sementara = luas blok sementara x kadar cukai petak

Jadual A- Kadar cukai petak
Tanah selain Tanah Rizab Melayu atau Kampong Bharu
(Tanah Penempatan Pertanian Melayu)

Bil.	Kelas atau jenis kegunaan	Jenis pegangan hakmilik	
		Selama-lamanya	Pajakan
1.	Petak kediaman (Petak kos rendah)	RM20.00 bagi setiap petak	RM15.00 bagi setiap petak
2.	Petak kediaman (Selain petak kos rendah) (a) Pangsapuri (b) Pangsapuri kos sederhana (c) Pangsapuri kos mewah (d) Pangsapuri kos tinggi (e) Kondominium (f) Rumah bandar (g) Rumah mampu milik (h) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) (i) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) (j) Bangunan berbilang aras (k) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan kediaman	RM0.26/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM25.00 bagi setiap petak	RM0.19/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM20.00 bagi setiap petak
3.	Petak kediaman (Selain petak kos rendah) (a) Petak tanah (b) Strata teres (c) Strata vila (d) Rumah banglo premium (e) Rumah vila berkembar (f) Rumah teres super link (g) Rumah vila bandar (h) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan kediaman	RM0.79/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM50.00 bagi setiap petak	RM0.76/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM45.00 bagi setiap petak
4.	Petak perdagangan (a) Pangsapuri perkhidmatan (b) Suite perkhidmatan (c) Suite kediaman (d) Pejabat Kecil Pejabat Rumah (SOHO) (e) Pejabat Kecil Pejabat Maya (SOVO) (f) Pejabat Kecil Pejabat Fleksibel (SOFO)	RM1.27/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM55.00 bagi setiap petak	RM1.21/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM50.00 bagi setiap petak

Bil.	Kelas atau jenis kegunaan	Jenis pegangan hakmilik	
		Selama-lamanya	Pajakan
	(g) Pejabat (h) Pejabat suite (i) Kedai pejabat (j) Kedai (k) Hotel (l) Suite hotel (m) Perniagaan (n) Tempat letak kereta (o) Pusat rehabilitasi (p) Hospital swasta (q) Ruang pemunggaran (r) Utiliti (s) Medan selera (t) Ruang penjaja (u) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan perdagangan		
5.	Petak perusahaan (a) Kilang (b) Industri (c) Industri berbilang aras (d) Industri kecil (e) Industri sederhana (f) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan perusahaan	RM1.05/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM110.00 bagi setiap petak	RM1.00/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM100.00 bagi setiap petak
6.	Petak bagi maksud awam oleh Kerajaan Persekutuan (cth. tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Majlis Agama Islam dan Majlis Amanah Rakyat)	RM25.00 bagi setiap petak	RM20.00 bagi setiap petak

Jadual B- Kadar cukai petak
Tanah Rizab Melayu atau Kampong Bharu
(Tanah Penempatan Pertanian Melayu)

Bil.	Kelas atau jenis kegunaan	Jenis pegangan hakmilik	
		Selama-lamanya	Pajakan
1.	Petak kediaman (Petak kos rendah)	RM20.00 bagi setiap petak	RM15.00 bagi setiap petak
2.	Petak kediaman (Selain petak kos rendah) (a) Pangsapuri (b) Pangsapuri kos sederhana (c) Pangsapuri kos mewah (d) Pangsapuri kos tinggi (e) Kondominium (f) Rumah bandar (g) Rumah Mampu Milik (h) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) (i) Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) (j) Bangunan berbilang aras (k) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan kediaman	RM0.15/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM25.00 bagi setiap petak	RM0.10/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM20.00 bagi setiap petak
3.	Petak kediaman (Selain petak kos rendah) (a) Petak tanah (b) Strata teres (c) Strata vila (d) Rumah banglo premium (e) Rumah vila berkembar (f) Rumah teres super link (g) Rumah vila bandar (h) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan kediaman	RM0.15/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM50.00 bagi setiap petak	RM0.10/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM45.00 bagi setiap petak
4.	Petak perdagangan (a) Pangsapuri perkhidmatan (b) Suite perkhidmatan (c) Suite kediaman (d) Pejabat Kecil Pejabat Rumah (SOHO) (e) Pejabat Kecil Pejabat Maya (SOVO) (f) Pejabat Kecil Pejabat Fleksibel (SOFO)	RM0.33/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM55.00 bagi setiap petak	RM0.32/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM50.00 bagi setiap petak

<i>Bil.</i>	<i>Kelas atau jenis kegunaan</i>	<i>Jenis pegangan hakmilik</i>	
		<i>Selama-lamanya</i>	<i>Pajakan</i>
	<p>(g) Pejabat (h) Pejabat suite (i) Kedai pejabat (j) Kedai (k) Hotel (l) Suite hotel (m) Perniagaan (n) Tempat letak kereta (o) Pusat rehabilitasi (p) Hospital swasta (q) Ruang pemungghahan (r) Utiliti (s) Medan selera (t) Ruang penjaja (u) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan perdagangan</p>		
5.	<p>Petak perusahaan</p> <p>(a) Kilang (b) Industri (c) Industri berbilang aras (d) Industri kecil (e) Industri sederhana (f) Kegunaan lain yang tertakluk kepada syarat kegunaan perusahaan</p>	<p>RM0.27/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM110.00 bagi setiap petak</p>	<p>RM0.25/ meter persegi, tertakluk kepada minimum RM100.00 bagi setiap petak</p>
6.	<p>Petak bagi maksud awam oleh Kerajaan Persekutuan (cth. tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Majlis Agama Islam dan Majlis Amanah Rakyat)</p>	<p>RM25.00 bagi setiap petak</p>	<p>RM20.00 bagi setiap petak</p>

JADUAL 8
[Subkaedah 8(5)]

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2019

FI LEWAT BAYAR

Pengiraan bagi fi lewat bayar adalah seperti yang berikut:

Fi lewat bayar = 10% x cukai tahunan

Contoh:

(A) Tahun	(B) Cukai tahunan	(C) Tunggakan cukai tahunan	(D) Tunggakan fi lewat bayar	(E) *Amaun kena bayar sebelum 1 Jun	(F) Fi lewat bayar bagi tahun semasa	(G) *Amaun kena bayar selepas 1 Jun
1	RM10.00	-	-	RM10.00	RM1.00	RM11.00
2	RM10.00	RM10.00	RM1.00	RM21.00	RM1.00	RM22.00
3	RM10.00	RM20.00	RM2.00	RM32.00	RM1.00	RM33.00
4	RM10.00	RM30.00	RM3.00	RM43.00	RM1.00	RM44.00
5	RM10.00	RM40.00	RM4.00	RM54.00	RM1.00	RM55.00

Nota:

(a) $(E) = (B) + (C) + (D)$

(b) $(F) = 10\% \times (B)$

(c) $(G) = (E) + (F)$

- (i) (B) ialah cukai tahunan bagi petak atau blok sementara
- (ii) (C) ialah jumlah tunggakan cukai tahunan bagi tahun sebelumnya
- (iii) (D) ialah jumlah tunggakan fi lewat bayar bagi tahun sebelumnya
- (iv) (E) ialah jumlah amaun yang kena dibayar sebelum 1 Jun
- (v) (F) ialah fi lewat bayar yang dikenakan bagi tahun semasa
- (vi) (G) ialah jumlah amaun yang kena dibayar selepas 1 Jun

*Amaun kena bayar yang termasuk wang sen hendaklah digenapkan kepada ringgit yang berikutnya.

Dibuat 2 Oktober 2019
[PTG/WP 20/2/150 (10); PN(PU2)433/III]

TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri

STRATA TITLES ACT 1985

STRATA TITLES (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by section 81 of the Strata Titles Act 1985 [Act 318] read together with subsection 5(5), the Minister makes the following rules:

Citation, commencement and application

1. (1) These rules may be cited as the **Strata Titles (Federal Territory of Kuala Lumpur) Rules 2019**.

